

03 MAY 1998

Komanwel-Beza

PENGANJURAN SUKAN KOMANWEL KE-16 BERBEZA

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Penganjuran Sukan Komanwel di negara membangun seperti Malaysia, menyenaraikan acara berpasukan dan penglibatan kerajaan dengan kerjasama pihak swasta menjadikan temasya itu berbeza dengan yang sebelumnya.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata dalam sejarah penganjuran sukan itu, hampir keseluruhan penganjuran sukan itu diadakan di negara-negara maju.

"Malaysia merupakan negara membangun yang kedua diberi kepercayaan untuk menganjurkan sukan itu selepas Jamaica kerana pada temasya yang lepas, ianya dilangsungkan di negara-negara maju," katanya.

Terdahulu beliau turut hadir pada majlis Perjumpaan Perdana sukarelawan Sukan Kuala Lumpur '98 dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata pada temasya kali ini, acara berpasukan seperti kriket, bola jaring, boling padang dan sebagainya turut dilangsungkan dan acara ini merupakan yang pertama kali diadakan pada Sukan Komanwel.

Katanya penganjuran sukan itu dengan kerjasama kerajaan dan sektor swasta seperti Sukom Ninety Eight Berhad, penganjur Sukan Komanwel ke-16 juga merupakan sesuatu yang unik kerana belum pernah dalam sejarah penganjurannya sukan itu melibatkan pihak swasta.

"Pada temasya yang lepas, hanya kerajaan yang terlibat...tetapi di Malaysia ianya merupakan program kebangsaan dengan penglibatan semua pihak termasuk pihak swasta dan orang awam," katanya.

Beliau berkata penganjuran Sukan Komanwel merupakan medan ujian kepada negara untuk menganjurkan lebih banyak lagi kejohanan yang lebih besar seperti Sukan Olimpik.

"Kita akan membuat tawaran menjadi tuan rumah Sukan Olimpik tetapi bukan untuk masa yang terdekat,".

"Tidak ada apa yang boleh menghalang kita untuk membuat tawaran menjadi tuan rumah Sukan Olimpik. Yang pastinya kita akan buat tawaran bila tiba masa yang sesuai," katanya. -- BERNAMA

ERE/SHS ZAB